



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Malaysia Deposit Insurance Corporation

# Membina Atas Kekuatan



RANCANGAN KORPORAT 2007 – 2009



# ISI KANDUNGAN

	Ringkasan	1-2
	Pengenalan	3
	Visi dan Misi serta Nilai Korporat	4-5
	Teras Strategik	6
	Bagaimana Kami Merancang dan Melapor	7
	<b>Bahagian 1: Membina Asas Yang Kukuh</b> Pencapaian Rancangan Korporat Sepanjang 2006-2008	8-15
	<b>Bahagian 2: Membina Atas Kekuatan</b> Rancangan Korporat 2007-2009	16-21
	<b>Bahagian 3: Rancangan Kewangan</b> Mendukung Rancangan Kami Bagi Tahun 2007	22-26
	<b>Halangan Pencapaian Rancangan Korporat &amp; Kesimpulan</b>	27-29
	<b>Lampiran</b> Proses Rancangan Korporat Struktur Organisasi PIDM Profil Perbadanan Soalan Lazim Butiran Lanjut	30-38

# RINGKASAN

Rancangan Korporat 2007-2009 ini menggariskan hala tuju strategik bagi tempoh tiga tahun yang akan datang. Rancangan ini menghuraikan secara terperinci bagaimana kami akan berusaha untuk memenuhi mandat selaras dengan Visi dan Misi kami.

Visi kami adalah untuk diiktiraf sebagai penginsurans deposit yang paling efektif di Asia Tenggara menjelang tahun 2008 dan diperakui sebagai salah sebuah peneraju penginsurans deposit di dunia menjelang tahun 2010. Misi kami, secara ringkasnya, adalah untuk memenuhi mandat statutori kami secara efisien dan efektif, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan yang lain.

Rancangan ini telah dirangka berdasarkan Rancangan Korporat 2006-2008 dan mengekalkan teras strategik am yang sama, iaitu:

- kesediaan,
- amalan urus niaga dan kewangan yang mantap,
- kesedaran awam yang efektif, dan
- perkongsian yang kukuh.

## **MEMBINA ASAS YANG KUKUH: PENCAPAIAN RANCANGAN KORPORAT 2006-2008**

Seperti yang dijelaskan di dalam Rancangan Korporat 2006-2008, kami sedar bahawa untuk memenuhi mandat, kami perlu terus membina keyakinan dan kepercayaan masyarakat umum dan pemegang kepentingan lain dengan mempamerkan integriti dan komitmen yang menjurus ke arah kecemerlangan. Justeru itu, tema kami bagi tempoh rancangan tersebut – “Membina Asas Yang Kukuh”.

Tinjauan mengenai pencapaian inisiatif dan kemajuan kami berbanding dengan Rancangan Korporat 2006-2008 dijelaskan dalam Bahagian I.

## **MEMBINA ATAS KEKUATAN: RANCANGAN KORPORAT 2007- 2009**

Tema bagi Rancangan Korporat ini ialah “Membina Atas Kekuatan”. Bahagian 2 menerangkan bagaimana kami akan membina dan mempertingkatkan keupayaan kami. Dalam merangka Rancangan ini, kami telah membuat penilaian ke atas persekitaran operasi kami dan telah mendefinisikan andaian utama perancangan. Seterusnya, kami menetapkan objektif korporat dan inisiatif utama yang telah dikenalpasti.

Kami telah menghasilkan satu peta strategi dan melaksanakan *Balanced Scorecard*. Dalam menghasilkan *Scorecard* tersebut, kami meninjau organisasi daripada empat perspektif – pemegang kepentingan, kewangan, proses dalaman serta pembelajaran dan pembangunan. Kami juga menggariskan penunjuk prestasi utama, matlamat pencapaian dan sasaran kami. Peta strategi dan *Scorecard* dijelaskan dalam Seksyen D dan E, Bahagian 2.

# RINGKASAN

## **RANCANGAN KEWANGAN 2007: MENDUKUNG RANCANGAN KAMI BAGI TAHUN 2007**

Seperti yang dijelaskan dalam Bahagian 3, rancangan kewangan kami adalah berdasarkan premium yang dikekalkan pada kadar 0.06% daripada deposit yang diinsuranskan. Rancangan kewangan ini telah dirangka bagi menyokong pencapaian inisiatif kami bagi tahun 2007.

Kami memperuntukkan bajet pendapatan sebanyak RM116 juta, perbelanjaan operasi sebanyak RM34 juta dan lebihan bersih sebanyak RM82 juta. Kami menjangkakan Dana Insurans Deposit akan berjumlah RM204 juta pada akhir tahun 2007.

## **KESIMPULAN**

Hala tuju strategik kami adalah untuk “Membina Atas Kekuatan” dengan mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi dalam semua fungsi dan operasi. Kami telah mencapai banyak kemajuan semenjak penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) pada bulan Ogos 2005. Kami akan terus komited untuk membina sebuah organisasi yang mempraktikkan amalan terbaik. Pencapaian matlamat Rancangan yang mencabar ini akan mendekatkan kami kepada Visi untuk diiktiraf sebagai salah sebuah penginsurans deposit yang terulung di dunia.

# PENGENALAN

## PIDM SEPINTAS LALU

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") mentadbir sistem insurans deposit dan memainkan peranan penting dalam sistem jaringan keselamatan kewangan di Malaysia.

Kami mengurus sistem insurans deposit Islam dan insurans deposit konvensional dalam sebuah entiti. Mandat statutori kami ialah untuk:

- a) Mentadbir satu sistem insurans deposit di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta);
- b) Memperuntukkan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit di sesebuah institusi anggota;
- c) Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- d) Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat (b) dan (d), PIDM akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Secara mutakhir, kejayaan kami akan ditentukan melalui penilaian tahap pencapaian kami dalam memenuhi mandat ini.

## RANCANGAN KORPORAT KAMI

Rancangan Korporat ini merupakan usaha bersama antara Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan PIDM. Ianya adalah dokumen strategik utama bagi memacu organisasi kami ke hadapan.

# VISI DAN MISI SERTA NILAI KORPORAT

Visi memperjelaskan hala tuju kami dan Misi menghuraikan bagaimana kami perlu menjalankan tugas. Nilai Korporat memberi panduan bagaimana kami perlu beroperasi dan membentuk budaya kerja kami.

## VISI

Diiktiraf sebagai penginsurans deposit paling efektif di Asia Tenggara menjelang 2008.  
Diperakui sebagai salah sebuah peneraju penginsurans deposit di dunia menjelang 2010.

## MISI

PIDM akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. PIDM akan memenuhi mandatnya secara efisien dan efektif dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingannya yang lain.

# VISI DAN MISI SERTA NILAI KORPORAT

Dalam memenuhi mandat dan mencapai Visi dan Misi, kami akan mengamalkan nilai berikut:

## **KECEMERLANGAN DAN PROFESIONALISME**

Bagi menggalakkan kecemerlangan dan profesionalisme dalam mengendalikan urusan dan hal-ehwalnya, PIDM akan membangun dan mengekalkan kepelbagaian tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berdedikasi. Kakitangan akan mempamerkan keupayaan untuk memenuhi tahap kualiti yang dikehendaki oleh PIDM dan pada masa yang sama akan:

- Mengambil risiko secara bijak bagi mencari penyelesaian yang kreatif dan inovatif;
- Berusaha mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kerja;
- Menetapkan matlamat yang mencabar; dan
- Menggalakkan tata urus yang profesional.

## **HORMAT DAN ADIL**

Kakitangan akan saling menghormati dan berlaku adil, di mana mereka akan:

- Menghargai dan menghormati kepelbagaian idea dan pendapat;
- Membina hubungan berasaskan kepercayaan dan rasa hormat; dan
- Menghormati perasaan rakan sekerja.

PIDM akan mengurus dan menyokong kakitangannya dengan cara yang adil dan konsisten di mana ia akan:

- Memastikan bahawa kemajuan kerjaya kakitangan dipertimbangkan berdasarkan keupayaan, prestasi kerja dan minat;
- Menugaskan kerja secara bersesuaian mengikut bidang kuasa dan tanggungjawab;
- Menggalakkan inovasi dan persekitaran kerja berpasukan;
- Berkomunikasi dan memantau prestasi yang diharapkan;
- Menangani isu prestasi dan konflik antara perorangan dengan segera dan secara membina; dan
- Menyediakan persekitaran yang membolehkan kakitangan menjalankan tugas secara optimum.

## **INTEGRITI DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Kakitangan akan menurut tahap etika tertinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, termasuk menyimpan kerahsiaan maklumat sensitif. Mereka akan:

- Berkelakuan secara beretika dan untuk kepentingan PIDM;
- Bertindak dan berunding dengan niat baik;
- Mempamerkan rasa bangga terhadap organisasi;
- Mewujudkan kepercayaan dan keyakinan dalam persekitaran kerja; dan
- Bertanggungjawab atas tindakan masing-masing.

## **KOMUNIKASI DAN KERJA BERPASUKAN**

Kakitangan akan berkomunikasi secara terbuka dan saling bekerjasama termasuk dengan rakan kongsi ke arah mencapai mandat PIDM. Kakitangan akan bekerjasama secara produktif untuk mencapai matlamat bersama organisasi, di mana mereka akan:

- Bekerja dengan penuh rela dalam pasukan pelbagai bidang;
- Melibatkan diri dalam usaha sama di antara pihak dalaman dan luaran;
- Mengambil bahagian secara aktif serta memberi dan mendapatkan input;
- Memperakui sumbangan orang lain; dan
- Berkomunikasi dengan jelas secara lisan atau bertulis.

## **PENGELOLAAN KEWANGAN**

PIDM akan bertindak sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab yang sentiasa berusaha untuk menjadi efisien dan efektif bagi manfaat semua pihak berkepentingan. Ia akan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya serta mengurus operasinya dengan efektif dan dengan cara yang kos-efisien.



# TERAS STRATEGIK

Kami bersandarkan empat teras strategik am berikut bagi memenuhi mandat kami:

## KESEDIAAN

Sentiasa bersedia untuk memainkan peranan kami sebagai penginsurans deposit dan peka terhadap perkara-perkara yang memberi kesan kepada PIDM dan institusi anggota, serta mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menjangka, menilai dan mengurus risiko dana insurans deposit secara aktif.

## AMALAN URUS NIAGA DAN KEWANGAN YANG MANTAP

Memastikan bahawa polisi, prosedur, sistem, amalan dan pelaporan telah disediakan bagi membuktikan yang kami ditadbir dan diurus dengan baik.

## KESEDARAN AWAM YANG EFEKTIF

Mewujudkan program kesedaran awam dan pendidikan yang mantap bagi menjelaskan faedah dan had dalam sistem insurans deposit.

## PERKONGSIAN YANG KUKUH

Membina dan mempertingkatkan hubungan dengan rakan kongsi PIDM (institusi anggota, pengawal selia dan pembekal) bagi membantu mencapai mandat kami. Ini termasuk bekerja dengan institusi anggota dan pihak lain secara runding dan telus serta mencari jalan untuk mengurangkan beban pentadbiran kepada institusi anggota.

# BAGAIMANA KAMI MERANCANG DAN MELAPOR

Gambar rajah ini menunjukkan rangka kerja proses perancangan korporat kami. Kami mempunyai mandat statutori yang ditakrifkan dengan jelas serta satu Visi dan Misi yang nyata. Teras strategik pula menyokong hala tuju strategik. Objektif adalah matlamat yang ingin dicapai, manakala inisiatif pula adalah aktiviti yang perlu dilakukan untuk mencapai objektif kami. Rejim pelaporan dan kebertanggungjawaban kami termasuk memantau dan melapor prestasi Rancangan terhadap sasaran yang ditetapkan.



Kejayaan pembangunan dan pelaksanaan Rancangan Korporat memerlukan kami:

1. Menetapkan hala tuju strategik bagi tempoh perancangan;
2. Mewujudkan andaian perancangan berdasarkan jangkaan terhadap persekitaran operasi;
3. Merangka objektif korporat dan inisiatif sokongan bagi tempoh perancangan;
4. Merangka inisiatif bahagian serta fungsi dan memastikan ianya sejajar dengan objektif dan inisiatif korporat;
5. Menetapkan penilaian dan pencapaian prestasi serta sasaran;
6. Memastikan pemantauan dan pelaporan mengenai prestasi terhadap Rancangan Korporat sentiasa dijalankan;
7. Mewujudkan satu rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan yang kukuh, termasuk menerbitkan Rancangan Korporat bagi melaporkan prestasi Rancangan.

# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

Pencapaian Rancangan Korporat  
sepanjang 2006-2008

A. INISIATIF UTAMA DI BAWAH EMPAT  
TERAS STRATEGIK-2006

B. KEWANGAN 2006: UNJURAN 2006  
BERBANDING DENGAN BAJET 2006

C. IMBASAN PENCAPAIAN SEPANJANG  
TAHUN 2006



# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

## Pencapaian Rancangan Korporat Sepanjang 2006-2008

Hala tuju strategik kami bagi tahun lepas adalah untuk membina kapasiti dan keupayaan organisasi. Kami menumpukan segala sumber ke arah mendirikan asas usul tadbir yang mantap, membangunkan modal insan, melaksanakan dasar, sistem dan amalan yang berkesan, serta mendekati dan mendidik pemegang kepentingan kami. Di samping itu, kami akan terus memperkukuhkan hubungan dengan rakan kongsi kami.

### A. INISIATIF UTAMA DI BAWAH EMPAT TERAS STRATEGIK - 2006

Bagi tahun 2006, kami telah menyempurnakan beberapa inisiatif di bawah tema "Kesediaan", "Amalan Urus Niaga dan Kewangan yang Mantap", "Kesedaran Awam yang Efektif" dan "Perkongsiannya yang Kukuh" seperti yang berikut:

#### KESEDIAAN

Kesediaan memastikan kami sentiasa bersedia dan peka terhadap perkara yang memberi kesan kepada Perbadanan dan institusi anggota. Ia juga memastikan kami mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menjangka, menilai dan mengurus risiko dana insurans deposit secara aktif.

Sepanjang tahun:

- Kami telah berusaha untuk melaksanakan peruntukan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Kami telah menerbitkan 'Garis Panduan Mengenai Jumlah Deposit yang Diinsuranskan' untuk rujukan institusi anggota. Hasil daripada proses perundingan awam secara meluas, kami telah merangka peraturan mengenai 'Keperluan Pendedahan Untuk Akaun Bersama Dan Akaun Amanah'. Kami telah menyediakan satu kertas konsep dan kertas perundingan yang menggariskan usul kami, sebagai langkah awal kepada penyediaan peraturan mengenai 'Terma dan Syarat Keanggotaan'. Setelah proses perundingan dijalankan, kami merancang untuk menerbitkan peraturan tersebut dalam tahun 2007. Kami juga telah menyiapkan kertas konsep mengenai 'Peraturan Informasi', yang antara lain, bertujuan untuk mengawal selia penyebaran maklumat insurans deposit oleh institusi anggota kepada masyarakat awam secara umum.
- Kami telah melaksanakan fungsi penilaian dan pemantauan risiko dan sedang membangunkan rangka kerja komprehensif untuk menilai risiko yang terdapat dalam menyediakan insurans deposit kepada institusi anggota. Kami juga membangunkan satu rangka kerja bagi pembayaran semula deposit. Sehubungan itu, beberapa kakitangan kami telah membuat lawatan sambil belajar ke penginsurans deposit dan pengawal selia yang utama bagi mengumpul maklumat dan pengetahuan mengenai kaedah dan pendekatan semasa berkenaan penilaian risiko termasuk sistem teknologi maklumat serta sistem premium berbeza, kaedah campurtangan dan resolusi. Dengan itu, kami dapat menggunakan pengalaman mereka bagi membangunkan rangka kerja kami.
- Kami sedang melakar pelan pemulihan semula bencana, untuk memastikan semua fungsi dan operasi teras kami terus beroperasi.
- Pada tahun ini, kami telah menganjur satu seminar dan bengkel pengurusan risiko organisasi (ERM) untuk mempromosi kepentingan pengurusan risiko yang utuh bagi industri perkhidmatan kewangan dan pengendali jaringan keselamatan. Kami juga telah menganjur satu seminar berkenaan sistem premium berbeza kepada institusi anggota dan pihak yang berminat bagi memaklumkan tentang sistem tersebut.

# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

Pencapaian Rancangan Korporat  
Sepanjang 2006-2008

## AMALAN URUS NIAGA DAN KEWANGAN YANG MANTAP

Kami komited terhadap sikap terbuka, ketelusan, dan pelaksanaan urus tadbir yang unggul kerana ia adalah asas untuk mencapai keberkesanan dan kecekapan serta kredibiliti. Inisiatif penting yang dicapai dalam tahun 2006 adalah seperti berikut:

- Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah yang menjelaskan piawaian urus tadbir yang perlu diguna pakai.
- Deskripsi jawatan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, ahlinya dan Ketua Pegawai Eksekutif yang memperjelaskan peranan dan tanggungjawab masing-masing.
- Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang menjelaskan peranan dan tanggungjawab utama Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.
- Undang-undang Kecil Korporat, untuk memastikan fungsi urusan dan hal-ehwal Lembaga Pengarah berjalan dengan lancar.
- Kod Tingkah Laku dan Etika untuk kesemua ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan yang menjelaskan tingkah laku yang perlu diamalkan berasaskan prinsip integriti, keobjektifan dan kesaksamaan.
- Kod Konflik Kepentingan untuk ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan yang bertujuan untuk memastikan tiada percanggahan antara kepentingan peribadi dengan tugas mereka.
- Polisi Pengaduan Salah Laku, yang membolehkan kakitangan, pembekal dan masyarakat umum melaporkan seawal mungkin, salah laku atau kemungkinan salah laku di PIDM tanpa risiko tindak balas.
- Piagam Audit dan Khidmat Runding yang komprehensif dan Pelan Audit berbilang tahun bagi mempertingkatkan rangka kerja urus tadbir, serta memperkukuhkan polisi, sistem dan tatacara. Ia akan dicapai melalui penilaian berterusan dan pengauditan operasi utama.
- Pelaksanaan sistem pengurusan kewangan yang teguh, rangka kerja urus tadbir sistem teknologi maklumat korporat serta penubuhan Jawatankuasa Aset-Liabiliti (ALCO).
- Pembangunan sistem penilaian risiko dan pemantauan serta rangka kerja sistem premium berbeza dan pengurusan risiko organisasi.
- Pelaksanaan sistem pampasan dan pengurusan prestasi yang komprehensif, serta pelan modal insan.
- Pencapaian pelan perekrutan bagi tahun 2006 dan pelaksanaan program latihan dan pembangunan kakitangan.
- Penyediaan Rancangan Korporat yang komprehensif untuk tahun 2007-2009.

# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

## Pencapaian Rancangan Korporat Sepanjang 2006-2008

- Penyediaan dan pelaksanaan pendekatan *Balanced Scorecard* di peringkat Korporat dan Bahagian.
- Penyempurnaan inisiatif utama Rancangan Korporat kami bagi tahun 2006 di dalam lingkungan bajet.
- Pengemukaan Laporan Tahunan 2005 di Parlimen dalam tempoh yang ditetapkan dan penyebaran Rancangan Korporat 2006-2008 kepada masyarakat umum.

### KESEDARAN AWAM YANG EFEKTIF

Di dalam mempertingkatkan kesedaran awam, kami telah berinteraksi secara aktif dengan pemegang kepentingan dan masyarakat awam melalui pelbagai inisiatif komunikasi:

- Kami mempunyai pusat talian bebas tol pelbagai bahasa bagi menyediakan maklum balas segera terhadap sebarang pertanyaan dari masyarakat awam.
- Kami juga mempunyai laman web komprehensif yang menyediakan maklumat di dalam empat bahasa.
- Kami telah menerbit dan menyebarkan sebanyak empat juta brosur informasi pelbagai bahasa yang boleh didapati di setiap cawangan institusi anggota kami.
- Kami telah memberi khidmat latihan kepada lebih seribu wakil institusi anggota serta menguruskan dua puluh sesi taklimat untuk institusi anggota dan masyarakat awam di seluruh Malaysia.
- Dalam tahun 2006, kami telah menyiapkan Pelan Strategi Komunikasi untuk tahun 2007-2011. Pelan ini mempunyai dua teras strategik: pertama, memberi fokus kepada pembinaan kesedaran dan pendidikan kepada pemegang kepentingan tentang sistem insurans deposit; dan keduanya, membina bidang kuasa dan kredibiliti kami sebagai penginsurans deposit negara.
- Kami telah menjalankan soal-selidik awam bagi mengetahui tahap kesedaran awam dan seterusnya merangka pelan kerja untuk kempen pengiklanan.
- Kami telah menganjurkan sesi penerangan media berkenaan perkara yang berkaitan dengan insurans deposit.

# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

Pencapaian Rancangan Korporat  
Sepanjang 2006-2008

## PERKONGSIAN YANG KUKUH

Perkongsian yang kukuh akan mewujudkan satu hubungan erat dengan rakan kongsi kami. Ini membolehkan kami mempelajari kepakaran dan pengalaman mereka bagi membantu memenuhi mandat dan mencapai objektif serta inisiatif korporat kami.

Bagi membina perkongsian yang kukuh, kami telah melaksanakan perkara berikut:

- Pemeteraian Perjanjian Perikatan Strategik yang komprehensif dengan Bank Negara Malaysia yang membantu mengaturkan aktiviti masing-masing. Ia juga menggalakkan rundingan serta memastikan pertukaran maklumat penting dalam jangkamasa yang ditetapkan. Kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia dan akan berunding berkenaan perkara yang berkaitan dengan peraturan atau garis panduan yang melibatkan institusi anggota kami.
- Kami telah menubuhkan satu polisi perundingan dengan pemegang kepentingan bagi merangka dan melaksanakan peraturan dan garis panduan yang diusulkan.
- Kami bergiat aktif sebagai ahli, dalam aktiviti-aktiviti Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI). Ini termasuk menjadi penganjur mesyuarat Majlis Eksekutif IADI di Kuala Lumpur dalam bulan September 2006. Kami juga telah terlibat dalam pelbagai persidangan dan bengkel antarabangsa sepanjang tahun 2006 untuk menjalin hubungan di peringkat antarabangsa dan meningkatkan kepakaran kami.
- Kami telah diiktiraf sebagai badan yang mendahului bidang insurans deposit Islam. Dalam tahun 2006, kami telah diterima sebagai Ahli Bersekutu Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), yang merupakan salah satu badan piawaian antarabangsa. Kami merupakan penginsurans deposit yang pertama di dunia yang diterima sebagai ahli IFSB.
- Kami juga telah membina hubungan erat dengan pakar dalam pelbagai bidang seperti perakaunan, guaman dan sistem maklumat serta pakar daripada badan penginsurans deposit negara lain.

# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

Pencapaian Rancangan Korporat  
Sepanjang 2006-2008

## B. KEWANGAN 2006: UNJURAN 2006 BERBANDING DENGAN BAJET 2006

### I. KEPUTUSAN OPERASI

	2006	2006	Perbezaan	
	Unjuran*	Bajet		
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>Pendapatan</b>				
Premium	102,000	103,000	(1,000)	1
Pelaburan	2,000	1,922	78	4
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>104,000</b>	<b>104,922</b>	<b>(922)</b>	<b>(1)</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>				
Gaji dan Faedah Kakitangan	8,500	11,507	3,007	26
Am dan Pentadbiran	4,350	6,973	2,623	38
Komunikasi	1,650	1,520	(130)	(9)
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>14,500</b>	<b>20,000</b>	<b>5,500</b>	<b>28</b>
<b>Lebihan Bersih</b>	<b>89,500</b>	<b>84,922</b>	<b>4,578</b>	<b>5</b>

\* Unjuran 2006 = Sebenar (Jan-Okt 2006) + Ramalan (Nov-Dis 2006)

### II. PERBELANJAAN MODAL

	2006	2006	Perbezaan	
	Unjuran	Bajet Dipinda*		
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Perabot, Kelengkapan dan Baik Pulih Pejabat	931	946	15	2
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	869	960	91	9
Kenderaan Bermotor	172	180	8	4
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>1,972</b>	<b>2,086</b>	<b>114</b>	<b>5</b>

\* Dalam tahun 2006, Lembaga Pengarah telah meluluskan bajet tambahan sebanyak RM0.5 juta.



# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

## Pencapaian Rancangan Korporat Sepanjang 2006-2008

### III. ULASAN PRESTASI KEWANGAN 2006

#### KEPUTUSAN OPERASI

Bagi tahun 2006, PIDM telah mengunjurkan jumlah pendapatan sebanyak RM104 juta, perbelanjaan operasi sebanyak RM14.5 juta dan lebih berjumlah RM89.5 juta. Unjuran lebih ini adalah RM4.6 juta (5%) lebih daripada lebihan yang dibajetkan.

#### PENDAPATAN

- Pendapatan premium untuk tahun ini adalah sebanyak RM102 juta iaitu 1% atau RM1 juta lebih rendah dari premium yang dibajetkan sebanyak RM103 juta.
- Pendapatan pelaburan untuk tahun ini dijangka akan melebihi bajet sebanyak RM0.1 juta oleh kerana purata pulangan sebanyak 3.5% adalah lebih tinggi berbanding dengan pulangan pelaburan yang dibajetkan untuk tahun 2006 iaitu sebanyak 2.8%.

#### PERBELANJAAN OPERASI

- Perbelanjaan operasi keseluruhan yang diunjurkan sehingga 31 Disember 2006 adalah sebanyak RM14.5 juta iaitu 28% atau RM5.5 juta lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan yang diperuntukkan sebanyak RM20 juta. Punca utama perbezaan positif ini adalah kos gaji dan faedah kakitangan serta kos am dan pentadbiran yang lebih rendah berbanding dengan kos yang diperuntukkan.
- Bagi tahun 2006, PIDM telah membuat peruntukan gaji dan faedah kakitangan untuk 40 orang bagi sepenuh tahun. Punca perbezaan positif ini adalah perbezaan tarikh permulaan kerja kakitangan yang dilantik dalam tahun 2006 berbanding dengan perancangan. Unjuran kos gaji dan faedah kakitangan ini juga mengambil kira sistem pampasan dan pengurusan prestasi kami yang baru.
- Perbezaan positif bagi kos am dan pentadbiran adalah disebabkan perbelanjaan susut nilai dan kos pakar runding yang lebih rendah berbanding amaun yang diperuntukkan. Ia juga disebabkan peruntukan perbelanjaan luar jangka sebanyak RM1.3 juta yang dijangka tidak akan digunakan.

#### PERBELANJAAN MODAL

- Dalam tahun 2006, kami telah mengenal pasti keperluan untuk mendapatkan perabot dan kelengkapan serta peralatan IT tambahan bagi memajukan tugas kami. Lembaga Pengarah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM0.5 juta bagi memenuhi keperluan tersebut. Perbezaan positif perbelanjaan modal sebanyak 5% adalah disebabkan kos sebenar sistem pengurusan kewangan yang lebih rendah berbanding dengan amaun yang telah diperuntukkan.

Secara ringkasnya, kami berjaya melaksanakan inisiatif utama Rancangan Korporat kami berdasarkan pelan kewangan yang telah diluluskan.

# BAHAGIAN I – MEMBINA ASAS YANG KUKUH

Pencapaian Rancangan Korporat  
Sepanjang 2006-2008

## C. IMBASAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2006



# BAHAGIAN 2 – MEMBINA ATAS KEKUATAN

Rancangan Korporat 2007-2009

A. PENILAIAN PERSEKITARAN OPERASI DAN  
ANDAIAN UTAMA PERANCANGAN

B. OBJEKTIF KORPORAT DAN INISIATIF UTAMA

C. MENGURUS DAN MENILAI PRESTASI

D. PETA STRATEGI KORPORAT

E. SCORECARD KORPORAT



# BAHAGIAN 2 – MEMBINA ATAS KEKUATAN

## Rancangan Korporat 2007-2009

Berdasarkan kepada pencapaian dalam tahun 2006, kami percaya bahawa kami telah membina asas yang kukuh bagi mempertingkatkan kekuatan dan keupayaan kami. Hala tuju strategik kami bagi 2007-2009 adalah tertumpu kepada usaha untuk meneruskan pematuhan serta pembangunan amalan terbaik di dalam urus tadbir korporat dan operasi kami. Kami juga akan membina kekuatan dengan berusaha ke arah pencapaian matlamat korporat dan penyempurnaan inisiatif yang telah dirancang.

### A. PENILAIAN PERSEKITARAN OPERASI DAN ANDAIAN UTAMA PERANCANGAN

Di dalam melaksanakan perancangan strategik, kami telah membuat penilaian persekitaran politik dan kawal selia, ekonomi serta keadaan sosial. Kami juga mengambil kira perkembangan teknologi dan cabaran yang mungkin dihadapi oleh industri perbankan. Secara ringkasnya, kami percaya sistem perbankan akan terus teguh dan menguntungkan serta akan terus menyediakan suasana yang stabil untuk kami beroperasi.

Hasil penilaian persekitaran operasi telah membolehkan kami merangka andaian utama bagi tempoh perancangan ini:

- Mandat kami masih terkini dan diguna pakai;
- Tiada perubahan ketara terhadap landskap sistem kewangan dan perbankan serta sistem pengawalseliaan yang boleh memberi kesan ke atas risiko kami sebagai penginsurans deposit;
- Tiada institusi anggota yang gagal;
- Had perlindungan insurans deposit tidak dinaikkan;
- Kadar premium dikekalkan pada 0.06% daripada deposit yang diinsuranskan bagi tahun 2007. Mulai tahun 2008, kadar premium yang berlainan akan digunakan sejajar dengan pelaksanaan sistem premium berbeza;
- Bagi tahun 2007, jumlah deposit yang diinsuranskan akan meningkat pada kadar 10%; dan
- Tiada perubahan ketara kepada jumlah institusi anggota. Jumlah bank yang bergabung akan diimbangi dengan pertambahan bank asing dan bank-bank Islam.

### B. OBJEKTIF KORPORAT DAN INISIATIF UTAMA

Objektif korporat kami adalah seperti berikut:

#### 1. Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

Kami akan terus melaksanakan amalan urus niaga dan kewangan yang wajar dan melaporkan pematuhan terhadap amalan tersebut. Untuk ini, kami perlu berpegang teguh kepada prinsip integriti, keobjektifan, kebertanggungjawaban dan ketelusan. Kami percaya ianya perlu bagi membina keyakinan orang ramai terhadap kami.

#### 2. Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting bagi memastikan keberkesanan sistem insurans deposit. Kami akan terus berinteraksi dengan semua pemegang kepentingan untuk memberi pendedahan dan maklumat mengenai sistem insurans deposit melalui program kesedaran dan pendidikan awam. Kami juga akan mematuhi polisi perundangan kami dalam membangunkan polisi dan peraturan.

# BAHAGIAN 2 – MEMBINA ATAS KEKUATAN

## Rancangan Korporat 2007-2009

### 3. Perkongsian efektif

Berdasarkan model urus niaga kami, rakan kongsi yang berkesan adalah penting bagi mencapai objektif dan inisiatif kami. Kami perlu sentiasa bekerjasama erat bersama institusi anggota, pengawal selia, penginsurans deposit lain serta pembekal utama bagi membolehkan kami mencapai objektif dan melaksanakan inisiatif dengan efektif dan efisien.

### 4. Penggunaan sumber yang optimum

Sebagai badan awam yang bertanggungjawab kepada mereka yang berkepentingan, kami perlu menggunakan sumber yang sedia ada secara optimum. Ini akan dilaksanakan melalui pengawasan kewangan yang berhemat serta penggunaan dan pengurusan aset, sumber manusia dan harta intelek dengan baik.

### 5. Kecemerlangan operasi

Bagi menambahkan keyakinan dan kecekapan pentadbiran sistem insurans deposit, kami akan melaksana dan mengemas kini polisi, sistem, proses serta tatacara mengikut amalan terbaik yang bertaraf antarabangsa.

### 6. Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten

Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten adalah amat penting bagi memenuhi mandat kami. Oleh itu, kami perlu menyediakan insentif yang sesuai bagi menarik dan mengekalkan kakitangan yang baik serta membuka peluang untuk memajukan diri melalui program latihan yang berterusan.

### 7. Persekitaran korporat yang kondusif

Persekitaran korporat yang kondusif membantu meningkatkan kepuasan kerja serta prestasi kakitangan. Kami juga akan terus memupuk budaya dan nilai korporat kami serta menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

Inisiatif-inisiatif utama telah dibangunkan untuk menyokong pencapaian objektif korporat kami dan sejajar dengan empat teras strategik kami. Inisiatif ini disesuaikan ke arah memastikan kami mempunyai kapasiti dan keupayaan dalam fungsi dan operasi bagi memenuhi mandat. Ini termasuk mewujudkan rangka kerja, polisi, proses dan tatacara yang perlu bagi membolehkan kami untuk campur tangan secara efektif dalam institusi anggota yang bermasalah bagi meminimumkan kos.

## C. MENGURUS DAN MENILAI PRESTASI

Dalam tahun 2006, kami telah memperkenalkan pendekatan *Balanced Scorecard* bagi mengurus dan menilai prestasi kami. Pendekatan ini termasuk:


- Menjajarkan operasi dan rancangan urus niaga dengan hala tuju strategik yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- Menetapkan penilaian dan pencapaian prestasi serta sasaran bagi inisiatif yang dirancang; dan
- Memastikan Rancangan Korporat kami sering dipantau dan diawasi.

*Balanced Scorecard* ini meninjau organisasi daripada empat perspektif, iaitu pemegang kepentingan, kewangan, proses dalaman serta pembelajaran dan pembangunan. Peta strategi kami bagi tempoh tiga tahun yang akan datang mengambil kira objektif korporat yang dikategorikan dalam empat perspektif *Balanced Scorecard*. Peta strategi kami adalah seperti yang tertera di muka surat berikut.

# BAHAGIAN 2 – MEMBINA ATAS KEKUATAN

Rancangan Korporat 2007-2009

## D. PETA STRATEGI KORPORAT



# BAHAGIAN 2 – MEMBINA ATAS KEKUATAN

Rancangan Korporat 2007- 2009

## E. SCORECARD KORPORAT

Scorecard Korporat ini mengandungi penunjuk prestasi utama bagi memastikan inisiatif kami dilaksanakan dalam jangkamasa dan sasaran yang ditetapkan.

	OBJEKTIF KORPORAT	PENUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN		
			2007	2008	2009
PEMEGANG KEPENTINGAN	1 Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pelaksanaan amalan urus tadbir terbaik</li> <li>b. Guna pakai amalan pengurusan</li> <li>c. Pematuhan terhadap polisi penting</li> <li>d. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab</li> </ul>	Kepuasan Tinggi Kepuasan Tinggi 100% Kepuasan Tinggi	Kepuasan Tinggi Kepuasan Tinggi 100% Kepuasan Tinggi	Kepuasan Tinggi Kepuasan Tinggi 100% Kepuasan Tinggi
		2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Membangunkan mekanisme dan mewujudkan garis dasar (baseline)	Tindakan terhadap penilaian dan maklum balas diterima	Tindakan terhadap penilaian dan maklum balas diterima
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Membangunkan pelan Pengurusan Komunikasi Krisis</li> <li>b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengenalan dan program penerimaan</li> <li>ii. Pembangunan asas Pengurusan Risiko Organisasi dan proses urus tadbir</li> <li>iii. Mengenal pasti dan menilai risiko tahap tinggi peringkat permulaan</li> <li>iv. Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan</li> </ul> </li> <li>c. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Kawalan Dalaman</li> <li>d. Membangunkan rangka kerja Pengurusan Penggantian bagi Lembaga</li> </ul>	Disempurnakan  Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan	Kajian semula	Kajian semula
PEMEGANG KEPENTINGAN	2 Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4. Indeks kesedaran awam	30%	40%	50%
		5. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melaksanakan Pelan Komunikasi Berintegrasi                             <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan program pengiklanan</li> <li>ii. Melaksanakan program hubungan awam</li> </ul> </li> <li>b. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan secara berterusan:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjalankan taklimat, seminar dan jerayawara insurans deposit</li> </ul> </li> </ul>	Dilaksanakan Dilaksanakan	Dilaksanakan Dilaksanakan	Dilaksanakan Dilaksanakan
		6. Hubungan PIDM dengan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bank Negara Malaysia</li> <li>b. Institusi anggota</li> <li>c. Pembekal</li> <li>d. Penginsurans deposit antarabangsa</li> </ul>	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh
PEMEGANG KEPENTINGAN	3 Perkongsian efektif	7. Pengiktirafan antarabangsa	Membangunkan mekanisme dan mewujudkan garis dasar (baseline)	Tindakan terhadap penilaian dan maklum balas diterima	Tindakan terhadap penilaian dan maklum balas diterima
		8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik</li> <li>ii. Menganjur Persidangan Tahunan IADI ke-6</li> <li>iii. Menganjur Mesyuarat Jawatankuasa IADI bagi kawasan Asia</li> </ul>	Dibangunkan Disempurnakan	Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan
		9. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
KEWANGAN	4 Penggunaan sumber yang optimum	10. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melaksanakan rangka kerja ALCO</li> <li>b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Peruntukan/Pendanaan Insurans Deposit</li> </ul>	Dilaksanakan	Kajian semula Dibangunkan	Kajian semula Dilaksanakan

# BAHAGIAN 2 – MEMBINA ATAS KEKUATAN

Rancangan Korporat 2007- 2009

## E. SCORECARD KORPORAT

OBJEKTIF KORPORAT		PENUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN			
			2007	2008	2009	
PROSES DALAMAN	5	Kecemerlangan operasi	11. Pematuhan terhadap Kawalan Dalaman	Rangka kerja disempurnakan	Kukuh	Kukuh
			12. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza: i. Menerbitkan kertas rundingan mengenai Sistem Premium Berbeza ii. Membangunkan Peraturan Sistem Premium Berbeza iii. Melaksanakan rangka kerja Sistem Premium Berbeza iv. Membangun dan melaksanakan infrastruktur IT bagi Sistem Premium Berbeza b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif: i. Fasa 1- Infrastruktur asas ii. Fasa 2- Peningkatan c. Membangunkan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif: i. Fasa 1- Penyelidikan dan pembangunan skop rangka kerja ii. Fasa 2- Membangunkan metodologi, polisi, proses dan kriteria resolusi yang spesifik iii. Fasa 3- Membangunkan rangka kerja campur tangan dan resolusi yang komprehensif d. Membangunkan polisi dan peraturan Insurans Deposit: i. Peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan: • Menerbitkan kertas rundingan • Membangunkan draf peraturan ii. Peraturan Informasi: • Menerbitkan kertas rundingan • Membangunkan draf peraturan iii. Peraturan Kriteria untuk Produk Deposit Konvensional dan Islam yang Boleh Diinsuranskan: • Membangunkan kertas konsep • Menerbitkan kertas rundingan • Membangunkan draf peraturan iv. Peraturan Faedah Boleh Dibayar dan Pulangan atas Deposit: • Membangunkan kertas konsep • Menerbitkan kertas rundingan • Membangunkan draf peraturan e. Pelaksanaan pelan Peningkatan Infrastruktur IT: i. Fasa 2 - Infrastruktur IT ii. Fasa 3 - Sistem Operasi IT iii. Fasa 4 - Peningkatan Teknologi dan 'Mempertingkatkan Kuasa kepada Pengguna' f. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Jaminan Kualiti g. Membangun dan melaksanakan rancangan perpindahan ke premis kerja baru	Disempurnakan Dibangunkan	Disempurnakan Dilaksanakan Dibangunkan	Dilaksanakan
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	6	Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten	13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan menilai kecekapan kakitangan: i. Membangun dan menilai analisis jurang kecekapan ii. Membangun dan menilai analisis keperluan latihan yang spesifik iii. Membangunkan Pelan Latihan tahunan bagi individu b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Pengurusan Penggantian	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan	Menetapkan PPU seterusnya Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan	Menetapkan PPU seterusnya Disempurnakan Disempurnakan
	7	Persekitaran korporat yang kondusif	14. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	80%	85%
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan program Pengiktirafan dan Ganjaran	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan



# BAHAGIAN 3 – RANCANGAN KEWANGAN

Mendukung Rancangan Kami Bagi Tahun 2007

A. BAJET OPERASI DAN PERBELANJAAN MODAL

B. LEMBARAN IMBANGAN PRO FORMA

C. PENYATA ALIRAN TUNAI PRO FORMA



# BAHAGIAN 3 – RANCANGAN KEWANGAN

Mendukung Rancangan Kami  
Bagi Tahun 2007

Rancangan Kewangan berikut telah dirangka bagi menyokong pencapaian inisiatif dalam tahun 2007.

## A. BAJET OPERASI DAN PERBELANJAAN MODAL

### BAJET OPERASI

	(%)	2007	(%)	2006
		Bajet RM'000		Bajet RM'000
<b><u>Pendapatan</u></b>				
Premium	95	110,000	98	103,000
Pelaburan	5	6,000	2	1,922
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>100</b>	<b>116,000</b>	<b>100</b>	<b>104,922</b>
<b><u>Perbelanjaan Operasi</u></b>				
Gaji dan Faedah Kakitangan	44	15,000	58	11,507
Am dan Pentadbiran	35	11,750	35	6,973
Komunikasi	21	7,250	7	1,520
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>100</b>	<b>34,000</b>	<b>100</b>	<b>20,000</b>
<b>Lebihan Bersih</b>		<b>82,000</b>		<b>84,922</b>

### BAJET PERBELANJAAN MODAL

	(%)	2007	(%)	2006
		Bajet RM'000		Bajet RM'000
<b><u>Perbelanjaan Modal</u></b>				
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	50	5,060	45	946
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	48	4,900	46	960
Kenderaan Bermotor	2	240	9	180
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>100</b>	<b>10,200</b>	<b>100</b>	<b>2,086</b>

# BAHAGIAN 3 – RANCANGAN KEWANGAN

Mendukung Rancangan Kami  
Bagi Tahun 2007

## ULASAN TENTANG BAJET OPERASI DAN PERBELANJAAN MODAL:

### PENDAPATAN

- Pendapatan premium yang dibajetkan untuk tahun 2007 adalah berdasarkan kepada penetapan premium pada kadar 0.06% daripada jumlah deposit yang diinsuranskan serta anggaran pertumbuhan 10% bagi jumlah deposit yang diinsuranskan.
- Pendapatan daripada pelaburan dibajetkan berdasarkan pulangan purata 3.5%.

### PERBELANJAAN OPERASI

- Gaji dan faedah kakitangan merangkumi kos tahunan untuk kakitangan yang dirancang berjumlah 57 orang bagi tahun 2007. Ia juga mengambil kira struktur kos bagi sistem pampasan dan pengurusan prestasi kami yang baru. Di samping itu, jumlah ini juga meliputi kos bagi penyediaan program latihan dan pembangunan kakitangan yang berterusan.
- Sebahagian besar kos am dan pentadbiran adalah berkaitan dengan kos pengurusan pejabat dan operasi sepanjang tahun 2007. Seperti yang telah dirancang, pejabat kami akan berpindah ke premis baru dengan ruang pejabat yang mampu menampung keperluan operasi kami. Kami juga telah memperuntukkan sejumlah dana bagi perbelanjaan yang akan diperlukan untuk menganjur Persidangan Tahunan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa serta aktiviti lain yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa. Kos am dan pentadbiran juga termasuk perbelanjaan susut nilai sebanyak RM3.1 juta.
- Kami telah memperuntukkan sumber yang besar untuk melaksanakan inisiatif berkaitan pengiklanan dan perhubungan awam berbilang-tahun bagi meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit di Malaysia.

### PERBELANJAAN MODAL

- Sejar dengan rancangan untuk memperkembangkan organisasi ini, kami telah memperuntukkan sebanyak RM5.1 juta bagi kos penambahan perabot, peralatan dan ubah suai pejabat.
- Kami telah memperuntukkan dana untuk mempertingkatkan sistem informasi dan operasi teknologi maklumat bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi. Ini termasuk kos penambahan peralatan pejabat dan perkakasan teknologi maklumat serta aplikasi perisian yang berjumlah RM0.7 juta. Kami juga akan melaburkan RM4.2 juta dalam tahun 2007 untuk membangunkan sistem teknologi maklumat bagi menyokong pelaksanaan sistem premium berbeza dan rangka kerja pembayaran semula deposit.

# BAHAGIAN 3 – RANCANGAN KEWANGAN

Mendukung Rancangan Kami  
Bagi Tahun 2007

## B. LEMBARAN IMBANGAN PRO FORMA

	Konvensional RM'000	Islam RM'000	2007	2006
			Bajet Jumlah RM'000	Bajet Jumlah RM'000
<b>ASET</b>				
Tunai dan kesetaraan tunai	2,720	280	3,000	108
Pelaburan	175,940	18,060	194,000	115,000
Aset lain	150	10	160	400
Hartanah dan peralatan	8,930	910	9,840	1,055
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>187,740</b>	<b>19,260</b>	<b>207,000</b>	<b>116,563</b>
<b>LIABILITI</b>				
Akaun belum bayar	2,440	260	2,700	100
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>2,440</b>	<b>260</b>	<b>2,700</b>	<b>100</b>
<b>KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT</b>				
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam</b>				
Baki awal		11,300	11,300	2,921
Lebihan		7,700	7,700	7,864
		19,000	19,000	10,785
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional</b>				
Baki awal	111,000		111,000	28,619
Lebihan	74,300		74,300	77,059
	185,300		185,300	105,678
<b>JUMLAH KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT</b>	<b>185,300</b>	<b>19,000</b>	<b>204,300</b>	<b>116,463</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT</b>	<b>187,740</b>	<b>19,260</b>	<b>207,000</b>	<b>116,563</b>

### ULASAN TENTANG LEMBARAN IMBANGAN:

- Berdasarkan kepada unjuran premium yang akan diterima dalam tahun 2007, tunai dan pelaburan diunjurkan berjumlah RM197 juta menjelang 31 Disember 2007.

# BAHAGIAN 3 – RANCANGAN KEWANGAN

Mendukung Rancangan Kami  
Bagi Tahun 2007

## C. PENYATA ALIRAN TUNAI PRO FORMA

	<u>2007</u>	<u>2006</u>
	<u>Bajet</u>	<u>Unjuran*</u>
	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Penerimaan premium daripada institusi anggota	110,000	102,150
Pembayaran semasa beroperasi kepada pembekal dan kakitangan	(29,300)	(12,924)
Penerimaan pendapatan pelaburan	5,500	1,830
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>	<b>86,200</b>	<b>91,056</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Hasil daripada jualan sekuriti pelaburan	197,110	185,419
Pembelian sekuriti pelaburan	(272,710)	(273,610)
Pembelian hartanah dan peralatan	(10,200)	(1,972)
<b>Aliran tunai bersih yang digunakan untuk aktiviti pelaburan</b>	<b>(85,800)</b>	<b>(90,163)</b>
<b>Kenaikan/(Pengurangan) Bersih dalam Tunai &amp; Kesetaraan Tunai</b>	<b>400</b>	<b>893</b>
Tunai & Kesetaraan Tunai pada awal tahun	2,600	1,707
<b>Tunai &amp; Kesetaraan Tunai pada akhir tahun</b>	<b>3,000</b>	<b>2,600</b>

\* Unjuran 2006 = Sebenar (Jan-Okt 2006) + Ramalan (Nov-Dis 2006)

HALANGAN PENCAPAIAN  
RANCANGAN KORPORAT  
&  
KESIMPULAN



# HALANGAN PENCAPAIAN RANCANGAN KORPORAT

Hala tuju strategik Rancangan Korporat 2006-2008 iaitu membangunkan infrastruktur dan meningkatkan pengetahuan bagi mencapai mandat, telah dikekalkan bagi Rancangan Korporat tahun 2007-2009. Kapasiti dan keupayaan kami akan ditingkatkan dengan pelaksanaan inisiatif yang telah dirancang.

Inisiatif-inisiatif ini sememangnya mencabar dan akan menguji kemampuan sumber organisasi ini. Namun begitu, kami akan dapat melaksanakan Rancangan ini seandainya tumpuan diberikan kepada apa yang perlu dicapai dan adanya tenaga kerja yang bersesuaian.

Terdapat beberapa peristiwa yang boleh menjejaskan atau menghalang pencapaian Rancangan kami. Ini termasuk kegagalan sesebuah institusi anggota atau kehilangan kakitangan yang utama. Sekiranya berlaku kegagalan institusi anggota dalam tempoh perancangan ini, kami perlu menumpukan semua sumber untuk menangani situasi tersebut. Ini akan mengakibatkan lencongan terhadap hala tuju strategik kami dan penangguhan atau ketidaklengkapan inisiatif yang telah dirancang.

Sebagai sebuah organisasi baru yang mempunyai kakitangan yang terhad, kehilangan kakitangan utama akan menjejaskan pencapaian inisiatif yang telah dirancang serta objektif korporat kami. Dalam situasi ini, hala tuju strategik dan Rancangan kami perlu dikaji dan dirangka semula.

Peristiwa-peristiwa tersebut adalah di luar bidang kawalan kami. Namun begitu, kami akan sentiasa memantau kemungkinan ianya berlaku bagi memastikan kami dapat menangani situasi tersebut dan mengurangkan kesannya.

## KESIMPULAN

Hala tuju strategik bagi tahun 2007-2009 merupakan usaha bersama antara Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan PIDM. Ia memacu kami dalam usaha membina kekukuhan serta mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan fungsi dan operasi kami. Sungguhpun kami telah mencapai kemajuan yang ketara semenjak penubuhan PIDM pada bulan Ogos 2005, masih banyak yang perlu dilaksanakan untuk mencapai objektif korporat kami.

Kami telah merangka satu Rancangan yang mencabar bagi organisasi ini. Ia boleh dicapai sekiranya kami memberi tumpuan kepada pelaksanaan tugas dan memantau prestasi kami dengan teliti. Kami percaya pencapaian Rancangan ini akan mendekatkan kami kepada Visi untuk diiktiraf sebagai salah sebuah penginsurans deposit yang terulung di dunia.



# LAMPIRAN

PROSES PERANCANGAN KORPORAT

STRUKTUR ORGANISASI PIDM


PROFIL PERBADANAN

SOALAN LAZIM

BUTIRAN LANJUT


# LAMPIRAN

## Proses Perancangan Korporat



# LAMPIRAN

## Struktur Organisasi PIDM



# LAMPIRAN

## Profil Perbadanan

### SIAPA KAMI

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (“Akta PIDM”) pada tahun 2005 untuk mentadbir sistem insurans deposit di Malaysia. PIDM melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation (MDIC)*, terutamanya dalam konteks antarabangsa.

### MANDAT KAMI

Kami berperanan untuk mentadbir sistem insurans deposit kebangsaan. Sistem ini dibiayai oleh premium yang dibayar oleh institusi anggota. Kami mentadbir dua dana berasingan, iaitu Dana Insurans Deposit Islam (melalui premium yang dikutip dari deposit Islam) dan Dana Insurans Deposit Konvensional (melalui premium konvensional). Bagi memastikan pematuhan kepada prinsip Syariah, Dana Islam diuruskan secara berasingan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.

Kami menyediakan insurans terhadap kehilangan deposit yang diletakkan oleh pendeposit di institusi anggota sehingga RM60,000 (prinsipal dan faedah atau pulangan) bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota. Sekiranya berlaku kegagalan institusi anggota, kami akan membayar semula deposit yang diinsuranskan kepada semua pendeposit yang terjejas dengan segera.

Institusi anggota terdiri daripada semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank asing yang disyarikatkan dan beroperasi di Malaysia) dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983.

Kami menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dalam hal ini, kami berganding bahu bersama Bank Negara Malaysia (“BNM”), pengawal selia utama bagi institusi anggota di bawah satu Perjanjian Perikatan Strategik. Perkongsian bersama BNM ini dapat memastikan pertukaran maklumat tentang institusi anggota dijalankan pada masa yang tepat dan kerjasama dalam semua aspek penting berkenaan fungsi dan aktiviti kami.

Satu aspek penting tugas kami adalah untuk memantau dan menguruskan risiko dalam sistem kewangan. Dalam hal ini, kami amat bergantung kepada BNM untuk menjalankan pemeriksaan ke atas institusi anggota kami. Namun begitu, dalam keadaan tertentu kami juga boleh menjalankan pemeriksaan khas ke atas institusi anggota. Kami juga diberi kuasa untuk campur tangan dalam sesebuah institusi anggota apabila BNM menetapkan institusi tersebut tidak atau berkemungkinan tidak berdaya maju. Ini adalah bagi mengurangkan atau menghindar risiko terhadap sistem kewangan. Kuasa campur tangan membolehkan kami, antara lain, memperoleh aset daripada institusi anggota, membuat pinjaman atau pendahuluan, atau meletak atau menjamin deposit.

Berdasarkan mandat, kami menjalankan inisiatif pendidikan dan kesedaran awam untuk meningkatkan tahap pemahaman mengenai insurans deposit di Malaysia. Kami mengadakan rundingan dengan pihak berkepentingan utama dan orang awam dalam membangunkan peraturan bagi memenuhi objektif statutori kami serta peruntukan Akta PIDM. Ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik terhadap isu-isu yang terbabit, pembikinan peraturan yang lebih efektif dan penerimaan lebih meluas terhadap keputusan kami.

### HUBUNGAN GABUNGAN

Dalam arena antarabangsa, kami adalah ahli aktif dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa atau *International Association of Deposit Insurers (IADI)*. Kami juga adalah penginsurans deposit pertama yang diterima sebagai Ahli Bersekutu dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam atau *Islamic Financial Services Board (IFSB)*, iaitu sebuah badan antarabangsa yang menetapkan piawaian.

# LAMPIRAN

## Soalan Lazim

### 1. Apakah itu Insurans Deposit?

Insurans Deposit ialah satu sistem yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk melindungi pendeposit daripada kehilangan deposit yang diinsuranskan yang disimpan di institusi anggota sekiranya institusi anggota tersebut tidak dapat memenuhi obligasinya kepada pendeposit. Sistem ini telah dilancarkan di Malaysia pada 1 September 2005.

### 2. Apakah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau Malaysia Deposit Insurance Corporation (MDIC)?

PIDM atau MDIC merupakan sebuah badan berkanun bebas yang melindungi pendeposit seandainya institusi anggota tidak berupaya membuat pembayaran balik kepada pendeposit yang memegang deposit yang diinsuranskan. Di Malaysia, kami ingin dikenali sebagai PIDM iaitu singkatan bagi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

### 3. Apakah peranan PIDM atau MDIC?

PIDM atau MDIC memainkan peranan untuk mentadbir sistem insurans deposit dan melindungi pendeposit. PIDM juga menyediakan insentif untuk pengurusan risiko wajar di dalam sistem kewangan, selain menggalak dan menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan negara.

### 4. Bagaimanakah PIDM menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan?

PIDM memperteguh dan melengkapinya rangka kerja pengawalseliaan sedia ada dengan memberi insentif kepada institusi anggota untuk mengamalkan sistem pengurusan risiko wajar. Kami menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan menerusi pengurusan yang cepat dan cekap ke atas bank individu yang tidak berdaya maju justeru mengelakkannya daripada menjejaskan bank-bank lain atau sistem perbankan. Dalam menjalankan mandat ini, PIDM diberi kuasa untuk memperoleh aset daripada institusi anggota, membuat pinjaman atau pendahuluan dengan atau tanpa cagaran, memperoleh syer institusi anggota dan mengambil semua langkah lain yang perlu.

### 5. Siapakah institusi anggota?

Institusi anggota terdiri daripada semua bank perdagangan (termasuk bank asing yang beroperasi di Malaysia) dan syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank-bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983. Keanggotaan adalah wajib seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Senarai institusi anggota boleh diperolehi sama ada dengan menghubungi PIDM di talian 1-800-88-1266 atau melayari laman web PIDM di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)

# LAMPIRAN

## Soalan Lazim

### 6. Perlukah saya memohon untuk mendapatkan perlindungan insurans deposit?

Tidak, anda tidak perlu memohon. Semua akaun deposit yang layak akan diinsuranskan secara automatik tanpa sebarang caj kepada anda.

### 7. Siapakah yang membayar premium insurans?

Institusi anggota anda diwajibkan membayar premium tahunan kepada sistem insurans deposit yang ditadbirkan oleh PIDM.

### 8. Berapakah had perlindungan insurans deposit?

PIDM menginsuranskan deposit yang layak sehingga RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota. Had RM60,000 tersebut merangkumi prinsipal dan faedah/pulangan.

### 9. Bolehkah saya membeli insurans tambahan untuk deposit saya jika jumlahnya melebihi RM60,000?

Tidak. Insurans deposit bukanlah produk insurans nyawa atau insurans am. Ia disediakan oleh Kerajaan menerusi Akta PIDM dan ditadbirkan oleh PIDM.

### 10. Apakah jenis deposit yang layak untuk insurans deposit?

Akaun deposit semasa dan simpanan, deposit tetap, deposit pelaburan dan cek diperakui dan draf bank yang dikeluarkan atau dibuat terhadap akaun deposit adalah layak untuk perlindungan insurans deposit.

### 11. Apakah jenis deposit yang TIDAK diinsuranskan?

Deposit yang tidak boleh dibayar di Malaysia, deposit mata wang asing, deposit pasaran wang, instrumen boleh niaga (NIDs), deposit pembawa lain dan perjanjian belian semula, tidak diinsuranskan.

### 12. Adakah deposit Islam dan konvensional diinsuranskan secara berasingan?

Ya. Deposit Islam dan konvensional masing-masing layak untuk had perlindungan berasingan sebanyak RM60,000.

### 13. Adakah akaun bersama dan akaun amanah diberi perlindungan insurans deposit berasingan?

Ya. Akaun bersama dan akaun amanah masing-masing diberi perlindungan insurans deposit secara berasingan, dengan syarat rekod institusi anggota menyatakan nama-nama pemegang akaun bersama atau pemegang akaun amanah dan kepentingan berasingan mereka di dalam deposit tersebut.

# LAMPIRAN

## Soalan Lazim

### 14. Adakah perjanjian belian semula, pelaburan pasaran wang dan unit amanah layak untuk insurans deposit?

Tidak. Perjanjian belian semula, pelaburan pasaran kewangan dan unit amanah tidak layak untuk insurans deposit.

### 15. Adakah terdapat akaun lain yang diinsuranskan secara berasingan?

Ya. Deposit yang disimpan oleh perniagaan milikan tunggal atau perkongsian atau disimpan oleh pendeposit yang menjalankan amalan profesional akan diinsuranskan secara berasingan, dengan syarat maklumat tersebut terdapat dalam rekod institusi anggota.

### 16. Jika saya mempunyai deposit di beberapa institusi anggota, adakah kesemua deposit saya akan dijumlahkan bagi tujuan insurans?

Tidak. Deposit di institusi anggota berlainan akan dilindungi secara berasingan. Had perlindungan RM60,000 diguna pakai bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota.

### 17. Jika saya mempunyai deposit di cawangan yang berlainan di institusi anggota yang sama, adakah kesemua deposit diinsuranskan secara berasingan?

Tidak. Deposit yang disimpan di cawangan berlainan di institusi anggota yang sama akan dijumlahkan bagi tujuan insurans deposit.

### 18. Apakah yang terjadi kepada deposit saya jika dua institusi anggota bergabung?

Anda akan terus diinsuranskan secara berasingan untuk tempoh masa dua tahun atau sehingga tarikh matang atau pengeluaran, yang mana terdahulu.

### 19. Adakah deposit yang dibuat oleh bukan pemastautin Malaysia diinsuranskan?

Tempat bermastautin atau taraf kewarganegaraan tidak menjejaskan perlindungan insurans deposit anda. Deposit yang dibuat di institusi anggota akan dilindungi sehingga RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota.

### 20. Bagaimanakah saya boleh memaksimumkan perlindungan untuk deposit saya di sesebuah bank?

Had RM60,000 adalah untuk setiap pemilikan sah berasingan bagi akaun deposit layak. Jika pemilikan untuk beberapa akaun adalah berbeza antara satu sama lain, perlindungan insurans deposit akan diberikan secara berasingan untuk setiap akaun. Contohnya, jika anda memegang akaun individu, tiga akaun bersama dengan individu berlainan, menjadi sebahagian daripada akaun perkongsian atau amalan profesional, anda akan menikmati perlindungan berasingan sehingga RM60,000 untuk kesemua lima akaun berjumlah sehingga RM300,000.

**21. Sekiranya begitu, mengapakah PIDM menentukan had perlindungan sehingga RM60,000 untuk setiap akaun deposit layak?**

Had perlindungan tersebut adalah berdasarkan statistik yang menunjukkan 95% pendeposit akan dilindungi sepenuhnya. Mengikut kaedah sedia ada, hampir semua pendeposit dilindungi oleh insurans deposit.

**22. Bagaimanakah caranya saya membuat tuntutan?**

Seandainya institusi anggota tidak berupaya memenuhi obligasinya, anda tidak perlu membuat sebarang tuntutan. PIDM akan mengumumkan bagaimana, di mana dan bila anda akan dibayar sehingga amaun yang diinsuranskan. PIDM adalah telus dan akan membuat pembayaran dengan segera.

**23. Adakah ini bererti institusi kewangan negara ini tidak lagi dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM)?**

Tidak. BNM masih kekal sebagai pengawal selia utama sistem kewangan negara. Ia masih bertanggungjawab mengekalkan kestabilan sistem kewangan. PIDM berfungsi melengkapkan peranan BNM dan menyumbang ke arah kestabilan sistem dengan mengurus sistem insurans deposit dalam cara yang menggalakkan pengurusan risiko wajar di kalangan institusi anggota.



# LAMPIRAN

## Butiran Lanjut

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan PIDM di talian bebas tol 1-800-88-1266 dari 8:30 pagi hingga 5:30 petang (Isnin hingga Jumaat)
- Layari laman web: [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)
- E-mel kepada: [info@pidm.gov.my](mailto:info@pidm.gov.my)
- Tulis kepada:  
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam  
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Aras 22, Dataran Kewangan Darul Takaful  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

Tel : 03-2260 7436

Faks: 03-2260 7431/7432